

— Perhubungan antara masyarakat penting: PM

28 MAY 1961

86.

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan rakyat supaya jangan

membeza-bezakan antara agama satu sama lain terutama ketika mengadakan upacara ibadat masing-masing seperti majlis berbuka puasa.

Kata Perdana Menteri, dalam upacara-upacara seperti itu, pihak-pihak tertentu seharusnya mengundang semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama bagi mengekalkan hubungan mesra dan harmoni di kalangan rakyat negara ini.

Berucap di majlis berbuka puasa di Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat Cheras di sini (*gambar kiri*), Perdana Menteri berkata, semua rakyat mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sama iaitu membantu rakan-rakan mereka yang kurang bernasib baik.

Sikap

Katanya, negara akan aman jika perhubungan antara masyarakatnya sentiasa mesra dan keadaan sebaliknya akan berlaku jika sikap ini tidak diamalkan.

Datuk Seri Dr Mahathir memuji langkah Kementerian Kebajikan Masyarakat mengundang semua penghuni pusat pemulihan yang dikendalikan oleh kementerian itu untuk berbuka puasa bersama penghuni yang beragama Islam.

Kira-kira 400 penghuni daripada semua pusat pemulihan Kementerian Kebajikan Masyarakat, termasuk penghuni Rumah Orang-orang Tua, Pusat Pemulihan Akhlak Gadis dan orang-orang cacat hadir di majlis itu.